



Menyokong  
pertumbuhan  
dan kerancangan  
berterusan **SME**  
tempatan kita





Syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) kita adalah tulang belakang ekonomi kita, menyediakan pekerjaan, dan memacu enjin pertumbuhan dan inovasi.

Selama bertahun-tahun, SME kita telah mengharungi banyak cabaran. Mereka kekal berdaya tahan, menyesuaikan diri dengan cepat, dan telah berubah dengan tegas.

Pemerintah akan terus berjalan bersama SME kami, mengatasi cabaran-cabaran bersama, supaya mereka dapat mengembangkan perniagaan mereka.

Kami telah memperkenalkan pelbagai langkah sokongan untuk SME kita, dan kami komited untuk melakukan lebih banyak lagi. ”

Timbalan Perdana Menteri dan  
Menteri Perdagangan dan Perusahaan,  
Encik Gan Kim Yong

## Skim-skim sokongan SME



### Skim-skim untuk menguruskan peningkatan kos-kos perniagaan

- **Pakej Bantuan Perusahaan** berjumlah \$1.3 bilion yang dilancarkan pada 2024
- **50% rebat Cukai Pendapatan Korporat** bagi Tahun Taksiran 2025 (terhad kepada jumlah \$40,000 bagi setiap syarikat)
  - Manfaat minimum berjumlah \$2,000 akan diberikan kepada syarikat-syarikat aktif yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja tempatan yang bekerja pada 2024



### Melabur dalam tenaga kerja

- **Lebih banyak fleksibiliti mengenai dasar-dasar pekerja asing** (seperti penghapusan tempoh maksimum sekatan pekerjaan untuk pemegang-pemegang Permit Kerja dan penambahan pekerjaan-pekerjaan kepada Senarai Pekerjaan Sumber Bukan Tradisional)
- Lebih \$400 juta diperuntukkan untuk **Pakej Transformasi Tenaga Kerja Perusahaan (Enterprise Workplace Transformation Package)**, bagi inisiatif-inisiatif yang menyokong syarikat-syarikat memulakan transformasi tenaga kerja, termasuk **Kredit Perusahaan SkillsFuture (SkillsFuture Enterprise Credit)** yang telah dilakarkan semula dan **Geran Pembangunan Tenaga Kerja SkillsFuture (SkillsFuture Workforce Development Grant)** baharu dengan sokongan yang dipertingkatkan untuk reka semula pekerjaan



## Berubah melalui pendigitalan, inovasi, dan akses pembiayaan

- Menyokong penggunaan huraian-huraian digital dan huraian-huraian didayakan kecerdasan buatan (AI) melalui skim-skim seperti **Geran Meningkatkan Daya Penghasilan (Productivity Solutions Grant)** dan **Program SME Go Digital (SMEs Go Digital Programme)**
- **Geran Pembangunan Perusahaan (Enterprise Development Grant)** membantu syarikat menginovasi dan berkembang melalui pembangunan strategi-strategi perniagaan, pengukuhan modal insan, keupayaan pengurusan kewangan dan sebagainya
- **Skim Pembiayaan Perusahaan (Enterprise Financing Scheme (EFS))** membolehkan perniagaan-perniagaan, tidak kira peringkat pertumbuhan mereka, mengakses pembiayaan dengan lebih mudah, meliputi beberapa keperluan, termasuk pembiayaan hijau, pinjaman modal kerja, pinjaman aset tetap, pinjaman hutang usahasama



## Rebut peluang-peluang perniagaan baharu melalui pengantarabangsaaan

- Kuantum pinjaman maksimum EFS-Pinjaman Perdagangan telah ditingkatkan secara kekal kepada S\$10 juta
- **Potongan Cukai Berganda bagi Pengantarabangsaaan (Double Tax Deduction for Internationalisation)** dilanjutkan hingga 2030
- Had geran **Bantuan Kesediaan Pasaran (Market Readiness Assistance)** yang dipertingkatkan dilanjutkan hingga 31 Mac 2026





## Menghidupkan semula kawasan perumahan awam kita

- **Program Perdagangan Visual (Visual Merchandising Programme)** telah dipertingkatkan untuk menyokong kedai-kedai kejiranan menyegarkan semula kedai-kedai mereka, dengan jumlah kos kelayakan dinaikkan kepada \$60,000
- **Program Kejiranan Bertenaga untuk Persatuan-Persatuan Pedagang (Vibrant Heartlands Programme for Merchants' Associations)** yang baharu menyokong aktiviti-aktiviti dan acara-acara perwujudan tempat di semua estet-estet perumahan



## Memupuk sekitaran pro-perusahaan

- **Pejabat Pro-Perusahaan SME (SME Pro-Enterprise Office)** membantu perniagaan-perniagaan mengemudi isu-isu kawal selia yang rumit
- **Pusat-pusat SME yang telah dipertingkatkan** menawarkan rangkaian perkhidmatan dan program-program nasihat perniagaan yang lebih luas



Hubungi penasihat-penasihat perniagaan Pusat SME untuk mendapatkan bantuan.